



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

---

**HARI PEKERJA 2026: REFORMASI UNDANG-UNDANG DAN**  
**INSTITUSI MEMPERKUKUH PERLINDUNGAN PEKERJA**

**KUALA LUMPUR, 1 Mei 2026** – Sempena Hari Pekerja 2026 dengan tema “Pekerja MADANI Kesuma Bangsa”, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh warga pekerja yang menjadi tulang belakang pembangunan negara. Dalam hal ini, Kerajaan MADANI kekal komited untuk terus memperkukuh kebajikan, perlindungan dan maruah pekerja melalui agenda reformasi undang-undang dan institusi yang menyeluruh, berteraskan keadilan sosial, perlindungan pekerja dan peluang yang saksama.

Komitmen ini diperkukuhkan lagi melalui Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) 2025–2030 yang memberi penekanan kepada sektor buruh, bagi memastikan hak pekerja dilindungi, dihormati dan direalisasikan secara progresif. Usaha ini merangkumi elemen pengukuhan akses kepada remedi, perlindungan daripada amalan buruh tidak adil serta penggalakan amalan perniagaan bertanggungjawab berasaskan prinsip hak asasi manusia, selaras dengan matlamat memastikan pembangunan ekonomi seiring dengan keadilan sosial dan pekerjaan bermaruah.

Dalam masa yang sama, penggubalan Akta Kebebasan Maklumat (FOI) dan penubuhan Ombudsman Malaysia yang bakal dibentangkan pada sidang Parlimen seterusnya akan mempertingkatkan ketelusan, akauntabiliti serta akses kepada keadilan bagi golongan pekerja. FOI akan memperkukuh perlindungan kepada pekerja dengan akses kepada

maklumat berkaitan hak dan dasar buruh, manakala Ombudsman pula berperanan sebagai saluran aduan bebas terhadap salah laku pentadbiran, sekali gus menjamin ruang bersuara dan perlindungan yang lebih berkesan kepada pekerja.

Di samping itu, kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai langkah yang memberi manfaat kepada pekerja seperti peluasan akses kepada keadilan melalui Akta Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2026, termasuk peningkatan had kelayakan pendapatan bagi mendapatkan bantuan guaman kepada RM50,000, di samping memperkukuh Dasar Peluang Kedua melalui inisiatif *Fastrack* yang mempercepat pelepasan status bankrap bagi golongan rentan. Selain itu, khidmat mediasi percuma bagi pertikaian kontrak bernilai RM250,000 ke bawah juga turut disediakan bagi membolehkan penyelesaian yang lebih cepat dan kos efektif tanpa melalui mahkamah bagi memastikan pekerja, khususnya mereka yang berpendapatan rendah turut berpeluang mendapatkan pembelaan undang-undang.

Hari ini bukan sekadar sambutan meraikan sumbangan golongan pekerja, tetapi lebih dari itu, ia merupakan manifestasi iltizam Kerajaan MADANI untuk membina sistem yang lebih adil dan inklusif, di mana setiap pekerja dilindungi, dihargai dan diberi peluang saksama selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Selamat Hari Pekerja kepada seluruh rakyat Malaysia.

**“Pekerja MADANI Kesuma Bangsa”**

**AZALINA OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**  
**1 MEI 2026**

